

11 JUL 2003

DR MAHATHIR LAWAT UKRAINE

KUALA LUMPUR, 11 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melakukan lawatan rasmi ke Ukraine dari 13 hingga 16 Julai ini berikutan undangan Presiden Leonid D.Kuchma.

Menurut kenyataan Wisma Putra di sini hari ini, ia merupakan lawatan rasmi pertama oleh Dr Mahathir ke Ukraine dan beliau akan diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali serta beberapa menteri.

Mereka ialah Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik dan Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad.

Semasa di Kiev, ibu negara Ukraine, Dr Mahathir akan mengadakan perbincangan dengan Kuchma dan menghadiri majlis makan malam rasmi yang dianjurkan oleh Kuchma.

Dr Mahathir turut dijadual melawat kilang pesawat Antonov, pelabuhan Odessa, kedua-duanya di Kiev dan Crimea selain bertemu pelajar-pelajar Malaysia di sana serta para pegawai Crimea Autonomous Republic.

Semasa di Pelabuhan Odessa, Dr Mahathir akan melawat kemudahan penyimpanan minyak sawit di pelabuhan berkenaan.

"Lawatan rasmi Perdana Menteri ke Ukraine memperlihatkan hubungan persahabatan yang erat antara kedua-dua negara. Lawatan itu dijangka lebih memperkukuhkan hubungan Malaysia dengan Ukraine," kata kenyataan itu lagi.

-- BERNAMA

RV AHH ROS